

JAMBATAN yang dinaiki air di Kampung Pemberian, Kuala Krai.

Limpahan kayu hanyut

■ 200 penduduk terjejas jambatan laluan utama tersekat

Oleh Siti Nor
Hidayatidayu Razali
sitiyor@hmetro.com.my
Kuala Krai

Hujan lebat di Aring, Gua Musang selama beberapa jam menyebabkan jambatan di Sungai Lebir di Kampung Pemberian, di sini, dinaiki air jam 6 petang, kelmarin.

Arus sungai juga menjadi deras dan melimpah ke atas

jambatan, namun jambatan berkenaan tidak ditutup kerana dilalui kenderaan ringan.

Jambatan sepanjang 400 meter itu menjadi laluan utama kepada lebih 200 penduduk untuk keluar ke bandar.

Bukan saja dilimpahi air, banyak kayu yang dihanyutkan sungai tersekat di atas jambatan hingga membahayakan nyawa pengguna.

“Jika paras air agak bahaya, ia akan ditutup kepada semua kenderaan”

Mohamad Hanif

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Krai Mohamad Hanif Che Khalid berkata, hujan lebat selama beberapa jam di Aring me-

nyebabkan air sungai naik secara mendadak.

Katanya, akibatnya jambatan berkenaan rendah dan hanya beberapa meter dari paras sungai menjadi faktor mudah ditenggelami air.

“Namun, bomba dan pasukan penyelamat lain sentiasa membuat pemantauan dari semasa ke semasa dan bersedia membantu penduduk.

“Kita minta penduduk

menjaga keselamatan mereka dan mengikut arahan pihak penyelamat.

“Jika paras air agak bahaya, ia akan ditutup kepada semua kenderaan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, sebaik paras air surut, penduduk kampung akan bergotong-royong membuang kayu yang berada di atas jambatan berkenaan.